

Tajuk : UNIMAS anjur carnival K4U 2012 pada 28 November hingga 1 Disember

UNIMAS anjur Karnival K4U 2012 pada 28 November hingga 1 Disember

KOTA SAMARAHAN:

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan menganjurkan Karnival K4U 2012 pada 28 November ini hingga 1 Disember sempena sambutan ulang tahunnya yang ke-20.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Prof Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata karnival diadakan bagi memberi penekanan kepada falsafah, universiti dan komuniti adalah tidak dapat dipisahkan.

"Program ini menggabungkan empat jenis karnival itu iaitu kerjaya, keusahawanan, kokurikulum dan kerohanian."

"Ia diharap menjadi jambatan untuk merealisasikan hubungan universiti-komuniti dan universiti-industri secara lebih sistematik, terancang dan mantap," katanya pada sidang media di sini semalam.

Turut hadir Dekan Pusat Pemajuan Pelajar Prof Madya Dr Rusli Ahmad dan Penolong Pendaftar Unit Pentadbiran Am dan Perolehan, Pusat Pemajuan Pelajar Siti Maryani Hamlin.

Dalam pada itu, Fadzil berkata tersirat di sebalik penganjuran karnival ialah untuk memperluaskan lagi konsep kerjaya pelajar dengan bukan sahaja bergantung kepada kerja makan gaji tetapi



SILA HADIR: (Dari kiri) Fadzil, Dr Rusli dan Siti pada sidang media mengenai Karnival K4U 2012 di UNIMAS, Kota Samarahan, semalam.

mula meneroka bidang bersifat keusahawanan.

Ini kerana, pada masa ini katanya kerjaya graduan

selepas menamatkan pengajian adalah isu penting bagi graduan di seluruh Malaysia termasuk di UNIMAS di

mana Kementerian Pengajian Tinggi juga menjadikan perkara ini sebagai Program Agenda Kritis yang diberi-

kan perhatian serius.

"Sehubungan itu, konsep kerjaya pelajar perlu diperluaskan lagi bukan sahaja kerja

makan gaji tetapi mula meneroka aktiviti bersifat keusahawanan atau untuk memulakan perniagaan sendiri.

"Aktiviti keusahawanan pelajar perlu digiatkan mulai dari sekarang kerana dengan penguasaan terhadap 'soft skills' maka keupayaan pelajar akan menjadi bertambah mantap," katanya.

Antara pengisian aktiviti Karnival K4U adalah seperti pameran dan program bersifat semasa iaitu pemeriksaan kesihatan percuma, pameran, jualan, sesi temu duga terbuka, demo/pertunjukan daripada unit beruniform seperti polis, tentera, bomba, Jabatan Penjara dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.

Aktiviti pertunjukan khas lain yang dijadualkan adalah persembahan 'para cylides', pameran dan pertunjukan motosikal berkuasa tinggi, pameran motosikal Kelab Motosikal Demak, pameran kereta antik dan demo khas daripada unit beruniform seperti demonstrasi penyelamat, demonstrasi pencegahan rusuhan, demonstrasi sebatan pesalah, demonstrasi pemadam api dan pertunjukan kawat khas.

Pada malamnya pula akan diisi dengan persembahan khas daripada artis-artis yang terdiri dari kalangan warga

UNIMAS, artis tempatan serta artis jemputan dari luar Sarawak. Bicara ilmu juga akan mempertemukan tetamu jemputan ternama iaitu Prof Madya Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin yang didatangkan khas dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan ilmuan tempatan yang tersohor.

Majlis Perasmian Karnival K4U 2012 dijangka pada 28 November jam 2 petang di Dewan Arena Gemilang, DeTAR PUTRA dengan disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin.

Sebanyak 53 subteras Kurssus Kokurikulum Berkredit akan terlibat langsung dalam karnival ini.

Karnival adalah terbuka kepada orang ramai dengan kemasukan adalah percuma.

Cabutan bertuah juga akan dibuat kepada semua pengunjung dengan borang penyertaan akan diberikan kepada pengunjung yang membeli barang di gerai-gerai yang terlibat.

Tiga hadiah utama disediakan kepada pemenang dan dijangkakan sebuah motosikal.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi Prof Madya Dr Rusli Ahmad di talian 082-581839/arusli@pp.unimas.my.